

HQ/16/07/2020

**TAJUK: JEMPUTAN MEDIA KE MAJLIS PELANCARAN
BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR
GEMILANG 2020**

Sukacita dimaklumkan bahawa **YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia** akan merasmikan **Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020** yang akan diadakan di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada **28 Julai 2020 (Selasa), pukul 8.45 pagi (wakil media dijemput hadir pada jam 8.00 pagi)**.

Wakil media massa yang tersenarai adalah dijemput hadir membuat liputan dengan mengembalikan borang di Lampiran A **pada atau sebelum 26 Julai 2020 (Ahad)** melalui faks **03-89117525/7544** atau emel ke ; **malaysiaprihatinhkhm2020@gmail.com**.

Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) maka setiap agensi media yang tersenarai dikehendaki menghantar **seorang wartawan dan seorang jurufoto atau juruvideo sahaja**.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia, No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya

Tel : (03) 8911 7381 Fax : (03) 8911 7544 e-mel : bmkk@inform.gov.my

Kerjasama rakan media juga adalah dipohon untuk menghormati majlis tersebut dengan mematuhi **Kod Etika Berpakaian dan Garis Panduan Petugas Media** seperti di Lampiran B.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **Encik Mohamad Nabil Abdul Halim** di talian **014 - 9602381** atau **Encik Timothy Palavadrarn** di talian **017 – 2011727**.

BILIK BERITA JABATAN PENERANGAN, PUTRAJAYA

25 Julai 2020

5.00 petang

TP